

BERITA HARIAN

DATE: 05/09/2007

Dr Mahathir stabil selepas pembedahan 6 jam

Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang menjalani pembedahan pintasan koronari di Institut Jantung Negara (IJN) di sini pagi semalam, kini dalam keadaan stabil.

Pembedahan lebih enam jam itu, yang kedua dilalui Dr Mahathir dalam tempoh 18 tahun, berjalan lancar dan beliau kini ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Menurut kenyataan IJN, doktor

berpuas hati kerana segala prosedur berjalan lancar dan semua petunjuk penting keadaan bekas Perdana Menteri itu setakat ini stabil.

Dr Mahathir dibawa masuk ke Kompleks Teater Pembedahan pada jam 8.45 pagi dan menjalani pembedahan jam 9.40 pagi. Beliau ditempatkan di ICU selepas keluar dari bilik pembedahan, kira-kira jam 3.30 petang.

Pembedahan pintasan koronari pilihan itu diketuai Ketua Pembedahan Kardiotorasik IJN, Tan Sri Dr Yahya Awang dan dibantu Ketua Pembedahan Kardiotorasik Klinik Mayo,

Amerika Syarikat, Profesor Dr Hartzell Schaff, Datuk Dr Rozali Wathooth, Datuk Dr Azhari Yakub, Datuk Dr Venugopal Balchand dan Dr Mohamed Ezani Mohd Taib.

Pasukan pakar bius pula diketuai Datuk Dr Mohd Hassan Mohd Ariff dan dibantu Dr Sharifah Suraya Syed Tahir, Datuk Dr Syed Abdul Aziz Syed Zain dan Dr Nor Azlina Abdul Jalil.

Bekas Perdana Menteri itu kini diletakkan di bawah pemerhatian rapi sekumpulan doktor yang diketuai Pengarah Perubatan IJN, Datuk Seri Dr Robaayah Zambahari dan dibantu

perunding nephrologis, Datuk Dr Zaki Morad Mohd Zaher, Dr Ghazali Ahmad dan perunding gastroenterologis, Dr S Ganeshanathan.

Anak Dr Mahathir, Datin Paduka Marina berkata, keluarganya bersyukur kerana pembedahan berjalan lancar.

Beliau berkata, kali ini keluarganya dan Dr Mahathir lebih bersedia dan ia lebih baik berbanding pembedahan 18 tahun lalu.

"Kami sekeluarga tahu semua orang berdoa dan saya terhutang budi atas sokongan berkenaan yang mem-

bantu kami dan beliau melalui semua ini," katanya.

Mengenai keadaan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali selepas pembedahan Dr Mahathir, beliau berkata, ibunya 'menangis gembira'.

Kakak ipar Dr Mahathir, Tan Sri Dr Saleha Mohd Ali yang ditemui di ruang legar IJN juga bersyukur pembedahan itu berjalan lancar.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor turut menghabiskan masa kira-kira 40 minit melawat Dr Mahathir.

BH - 5/9/2007